

TARIKH : 26 JULAI 2022  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 16

## Botolkan minyak peket, jual balik RM11



**KAMARUL ZAMAN** (kanan) menunjukkan tong berisi minyak diesel yang berjaya dirampas dalam Op Kontraban Kontinjen Johor di IPD, Bandar Seri Alam Masai, Johor Bahru semalam.

Polis bongkar sindiket seleweng minyak bersubsidi

# Botolkan minyak peket, jual balik RM11

Oleh **MOHAMAD FAIZAL HASHIM**

**PASIR GUDANG** – Kegiatan sindiket penyelewengan minyak masak bersubsidi yang cuba mengaut keuntungan dengan memproses dan membotolkan semula bahan itu terbongkar setelah sebuah stor kedai di Endau, Mersing diserbu Rabu lalu.

Dalam serbuan pada pukul 7.15 pagi itu, polis menahan seorang lelaki berusia 28 tahun yang dipercayai pemandu lori di kawasan premis tersebut.

Ketua Polis Johor, Datuk Kamarul Zaman Mamat berkata, premis tersebut dijadikan stor penyimpanan dan membotolkan semula minyak masak ke dalam botol pelbagai jenis dan dijual bermula harga RM11.

Beliau berkata, hasil risikan yang dijalankan, pihaknya telah

melakukan serbuan dan merampas 4,012 bungkus minyak masak bersubsidi bernilai RM10,030.

"Polis masih menyiasat bagaimana bekalan minyak masak diperolehi. Minyak masak bersubsidi ini dibotolkan semula untuk dijual semula pada harga yang lebih tinggi.

"Minyak masak ini sepatutnya diedar ke kedai-kedai bagi memenuhi keperluan pembeli khususnya golongan B40. Tindakan ini adalah satu pengkhianatan kepada negara," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Seri Alam di sini semalam.

Kamarul Zaman berkata, pihaknya juga akan menyiasat senarai nama pengusaha kedai runcit yang sepatutnya menerima bekalan minyak masak bersubsidi tersebut.

Katanya, polis akan terus menjalankan siasatan bagi memburu saki baki sindiket yang terlibat serta dalang dan pemilik sebenar premis berkenan.

Tambahnya, pihak polis akan mempergiatkan operasi bagi membanteras aktiviti penyelewengan minyak masak yang membimbangkan ketika ini.

"Kita akan bekerjasama dengan pelbagai pihak termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri bagi menggembelng tenaga memastikan tidak akan berlaku penyelewengan.

"Melalui pasukan khas yang ditubuhkan, kita telah membuat risikan di seluruh negeri dan mendapati kegiatan ini semakin berkurangan kerana tahu polis sedang giat membuat serbuan," katanya.